



MADAILE (duduk, tengah) bersama AJK Pelaksana Hari Psikologi JPNS 2017.

Penjawat awam perlu minda harmonis

4B 13.10.2017 B7

OLEH SALMAN ABADI

► Perkhidmatan psikologi dan kaunseling berperanan aktif memperkasa modal insan

ASPEK psikologi yang sejahtera merupakan komponen penting dalam menentukan tahap keupayaan individu untuk bekerja dan menyumbang tenaga dalam perkhidmatan.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) Datuk Hajah Maimunah Haji Suhaibul berkata setiap penjawat awam perlu mempunyai tahap kesihatan minda harmonis bagi membolehkan mereka terus kompeten di organisasi masing-masing.

"Dalam konteks minda sihat dalam kalangan warga pendidikan di negeri Sabah, perkhidmatan psikologi dan kaunseling boleh berperanan secara aktif dalam membangun dan memperkasakan modal insan warga pendidikan", katanya semasa berucap merasmikan Hari Psikologi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di Lobi Wisma JPNS di Likas, Kota Kinabalu pada Khamis.

Program tiga hari itu diketuai oleh Sektor Psikologi dan Kaunseling (SPsK) JPNS dengan tema 'Kenali Psikologi: Minda Sihat Warga Sejahtera'.

Beliau berkata, program itu yang julung kali diadakan oleh SPsK JPNS merupakan usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan membuka ruang untuk mendekati pelanggan, mendengar dan berkongsi maklumat khususnya berhubung perkhidmatan psikologi dan kaunseling.

Katanya, perkhidmatan kaunseling bukan sahaja berupaya memulihkan masalah kehidupan, tetapi juga mampu membangunkan kualiti dan keberibadian penjawat awam.

"Kita mahu melihat penjawat awam mempunyai daya fikir yang kreatif dan inovatif, mempunyai daya tahan emosi serta mampu mempamer tingkah laku yang boleh dicontohi," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap aspek psikologi dalam organisasi dapat diaplikasikan kepada peringkat daripada kumpulan pelaksana hinggalah kepada pihak pengurusan di JPNS dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Maimunah menjelaskan program pencegahan dan intervensi psikologi perlu diteruskan dengan lebih



SEBAHAGIAN daripada ratusan warga JPNS yang menghadiri majlis itu di lobi Wisma JPNS di Likas.

meluas agar penjawat awam dapat dibangunkan, mahupun diberikan bantuan awal sama ada oleh kaunselor, pegawai psikologi atau rakan-rakan yang berkeupayaan memberikan bantuan asas kaunseling seperti ahli Akrab.

Menurutnya, program kesedaran tentang kesejahteraan minda juga perlu dilipat-gandakan pelaksanaannya bagi membendung sesuatu masalah daripada menjadi lebih buruk.

"Sebagai penjawat awam, kita telahpun dididik bermula seawal perkhidmatan dengan nilai dan etika pekerjaan yang betul seperti adil, amanah, mulia, bijaksana, bersyukur dan sebagainya," katanya.

Beliau menekankan usaha membentuk kelakuan organisasi yang positif merupakan kerjasama strategik antara pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan psikologi.

Sehubungan itu, katanya, pengurus sumber manusia iaitu ketua jabatan dan kaunselor ataupun pegawai psikologi perlu bersamasama berganding bahu dalam membentuk budaya organisasi yang bersiap sedia dan berupaya untuk berubah.

Melalui kerjasama itu, kompetensi tenaga kerja dapat dibangunkan dan kekal relevan dengan tuntutan semasa serta diperlukan dalam memastikan perkhidmatan psikologi dapat diaksakan dengan lebih mudah oleh pekerja mahupun anggota



NORMAZWIN Yahya (kanan) menerima cenderamata disampaikan Maimunah.

masyarakat. Maimunah berkata, salah satu aspek penting dalam mewujudkan kesejahteraan psikologi ialah aspek spiritualiti di tempat kerja iaitu usaha setiap individu mencari makna dan tujuan hidup mahupun bekerja secara jelas bersandar kepada pegangan dan amalan baik kehidupan.

Beliau menegaskan sekiranya ada kekuatan spiritual, maka setiap sesuatu tugas yang kita laksanakan dapat dilakukan dengan penuh kerelaan dan sepuh hati.

"Aspek spiritualiti di tempat kerja berupaya meningkatkan kreativiti, kepuasan kerja individu serta meningkatkan komitmen terhadap pencapaian matlamat organisasi," katanya. Pada majlis itu, Maimunah

turut melancarkan Program Bicara Akrab (Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam) yang merupakan cetusan idea daripada penyelaras Akrab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengadakan perbincangan secara maya berkaitan Psikologi dan Kaunseling dalam kehidupan.


Untuk rekod, Akrab juga diakronimkan daripada gabungan lima perkataan iaitu Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak dan Bestari.

Katanya, terdapat 12 topik yang akan dibincangkan dalam Bicara Akrab berkenaan.

Antaranya ialah terapi minda, bersukan untuk kesihatan, gejala buli, menangani rasuah, cara menangani stress, penderaan kanak-kanak dan cabaran pendidikan abad ke-21.

Program tersebut bertujuan untuk menambah ilmu dan percambahan idea serta pemantapan ahli Akrab menghadapi situasi semasa yang kian mencabar.

Maimunah berkata, perbincangan itu akan disebarluaskan di 24 PPD seluruh Sabah, JPNS



MAIMUNAH berucap merasmikan Program Hari Psikologi JPNS.

"Dalam konteks minda sihat dalam kalangan warga pendidikan di negeri Sabah, perkhidmatan psikologi dan kaunseling boleh berperanan secara aktif dalam membangun dan memperkasakan modal insan warga pendidikan."

DATUK HAJAH MAIMUNAH HAJI SUHAIBUL Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

melalui ahli Akrab dan hasil perbincangan berbentuk artikel akan dicetak dan dipamer di sudut Akrab setiap PPD atau sekolah untuk dijadikan bahan bacaan.

Sementara itu, Ketua Sektor SPsK JPNS Haji Madaile Haji Basri menjelaskan, antara fungsi sektor tersebut ialah menyediakan dan menawarkan khidmat psikologi kepada semua warga kerja di Ibu Pejabat JPNS dan PPD meliputi semua guru dan pegawai bukan guru.

Katanya, bersempena Bulan Psikologi Peringkat Kebangsaan yang disambut setiap Oktober, JPNS menyahut seruan untuk mengadakan sambutan Hari Psikologi peringkat negeri Sabah yang turut melibatkan beberapa pihak.

Antaranya ialah Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM, Kaunselor Organisasi Daerah (KOD), Kaunselor Organisasi Institut Pendidikan Guru

(IPG), Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu dan juga Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sekolah.

Menurutnya, selain menawarkan perkhidmatan psikologi kepada warga pendidikan, objektif program Hari Psikologi ialah memberi ruang kepada para pegawai dan staf untuk memperbaiki potensi diri melalui pelbagai pengisian program yang diadakan bermula 10 hingga 12 Oktober.

Madaile berkata, beberapa pengisian program itu dijangka dapat meningkatkan pemahaman perkhidmatan psikologi dan kaunseling, selain mengangkat budaya penyelidikan dalam kalangan kaunselor.

Pelbagai acara diadakan sempena Hari Psikologi JPNS 2017 termasuklah Bicara Psikologi, Kenali Diri Melalui Ujian Psikometrik, Seminar Psikologi (Pembentangan Kajian oleh Kaunselor), pameran inovasi kaunselor dan ziarah Mayang (Masih

Ada Yang Sayang) kepada tiga orang guru yang sakit berpanjangan di sekitar Kota Kinabalu.

Program 'Bicara Psikologi' dijayakan oleh tiga orang ahli panel yang berkemahiran dalam bidang psikologi dan kaunseling iaitu Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi JPA Dr Ruziati Mior Ahmad Arifin, Setiausaha Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM Normazwin Yahya dan Pengarah Hospital Bukit Padang Kota Kinabalu Dr Ahmad Qabil Khalib.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah IPG Kampus Gaya Kota Kinabalu Geturude Jock dan Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Sabah Suhailee Ahmad.

Turut memeriahkan dan menjayakan program sepanjang Hari Psikologi JPNS 2017 ialah kehadiran lebih 100 ahli Akrab JPNS yang membuat pameran dan terlibat secara langsung sebagai AJK pelaksana program itu.



MAIMUNAH (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr Ruziati Mior sambil diperhatikan Madaile (tengah).



MAIMUNAH (dua kiri) turut melancarkan Program Bicara Akrab JPNS sempena Hari Psikologi 2017.